

26 DEC 2000  
Mahathir-MAS

DR MAHATHIR JELASKAN SEBAB KERAJAAN BELI BALIK SAHAM TAJUDIN DALAM MAS

Oleh: Azman Ujang

PUTRAJAYA, 26 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau kecewa dengan kegagalan langkah menswastakan Penerbangan Malaysia menerusi penjualan satu pegangan strategik kepada Tan Sri Tajudin Ramli tetapi menjelaskan kegagalan itu bukan kerana pengurusan tidak cekap.

Perdana Menteri berkata mana-mana syarikat yang melalui pengalaman seperti MAS akibat kegawatan ekonomi serantau akan gagal khususnya dengan susutnya nilai ringgit dan pasaran saham yang merosot.

Dalam temubual eksklusif dengan Bernama di pejabatnya hari ini, Dr Mahathir berkata perniagaan dalam bidang penerbangan berkait rapat dengan apa yang berlaku sekelilingnya, naik turun dalam permintaan di pasaran dan kenaikan harga minyak.

Beliau berkata kerajaan terpaksa membeli balik daripada Tajudin saham beliau sebanyak 29.09 peratus dalam MAS yang dijual pada 1994 kerana mana-mana syarikat pun tidak dapat bertahan dengan adanya keadaan sedemikian.

"Mereka (MAS) gagal bukan kerana tidak cekap mengurus tetapi apabila pasaran saham menjunam sehingga 90 peratus, syarikat mana sekalipun akan gagal," katanya ketika diminta menjelaskan penjualan balik saham Tajudin pada minggu lepas kepada Kementerian Kewangan Diperbadankan pada harga RM1.79 bilion atau RM8 sesaham.

Kerajaan menganggap MAS bukan sahaja sebagai sebuah entiti komersil tetapi sebagai sebuah badan yang mempunyai tanggungjawab sosial, kata Perdana Menteri.

Beliau berkata tambang domestik amat rendah tetapi kerajaan masih tidak memberikan subsidi kepada syarikat penerbangan itu.

Jadi MAS terus kerugian berjuta-juta ringgit sebab kerajaan tidak mahu tambang domestik dinaikkan kerana orang ramai tidak setuju, kata Dr Mahathir.

"Syarikat mana sekalipun akan rugi jika itulah kedudukannya. Ditambah pula, naik turun harga minyak, perbezaan dalam nilai mata wang kita, tambang RM2,000 pada masa ini bukan sama dengan tambang RM2,000 sebelum susut nilai.

"RM2,000 pada masa ini murah tetapi jika kita naikkan tambang, orang ramai akan membantah," katanya.

Dr Mahathir berkata amat jelas bahawa MAS tidak mampu bertahan dalam keadaan sedemikian.

"Itulah sebabnya kerajaan kena ambil alih, kerana tidak ada satu syarikatpun dapat bertahan dalam keadaan seperti itu.

"Kerajaan kena ambil alih. Implikasinya ialah kerajaan perlu menanggung kosnya. Secara tak langsung, ia satu subsidi," katanya.

Perdana Menteri berkata jika MAS hendak diswastakan, kerajaan perlu membenarkan syarikat swasta menetapkan kadarnya sendiri.

Ketika ditanya tentang laporan akhbar bahawa beberapa syarikat penerbangan asing bercadang membeli saham MAS, beliau berkata : "Jika kita jual saham MAS kepada pembeli atau syarikat asing, satu perkara yang mereka akan desak ialah supaya mereka diberi kebebasan menentukan apa yang baik untuk syarikat itu."

"Jika kita beritahu mereka supaya memberi subsidi kepada tambang domestik, mereka akan kata 'Tidak. Kami adalah sebuah badan komersil dan syarikat tidak boleh diminta memberi subsidi,'" kata Dr Mahathir berhubung dilema kerajaan mengenai kedudukan MAS, satu-satunya syarikat Malaysia yang

bersaing di peringkat global tetapi menyediakan perkhidmatan ke laluan domestik yang merugikan.

Penjualan saham Tajudin dalam MAS mendapat kritikan beberapa ahli politik dan penganalisis asing, ada antara mereka menganggap ia tindakan menyelamatkan kerana harga RM8 sesaham itu merupakan premium 121 peratus bagi harga pasaran saham MAS iaitu sekitar RM3.60 sesaham.

Ada juga penganalisis berkata harga jualan itu sama seperti apa yang Tajudin beli daripada kerajaan.

Tajudin sendiri menafikan ianya langkah menyelamatkan dengan menjelaskan bahawa beliau tidak mempunyai sumber kewangan untuk terus melabur dalam MAS dan bahawa syarikat tersenarai miliknya Naluri Berhad telahpun mengalami kerugian besar dengan membeli saham itu.

Dalam temubual itu, Dr Mahathir berkata rancangan penswastaaan kerajaan secara amnya berjaya dan "hanya sedikit yang gagal".

"Ramai tidak faham bahawa kita amat berhati-hati dengan penswastaaan, dari awal lagi kita katakan kita akan ada penswastaaan tetapi ia tidak akan menjejaskan pekerja," katanya.

Dr Mahathir berkata kakitangan entiti kerajaan yang diswastakan tidak boleh dipecat dan perlu ditawarkan skim gaji yang lebih baik daripada skim kerajaan selain layak memegang saham dalam entiti berkenaan selain syarat-syarat lain yang menguntungkan mereka.

Beliau menolak andaian bahawa penswastaaan merupakan satu daripada cara beliau bekerja.

"Tidak benar ia semata-mata cara saya bekerja. Ianya sesuatu yang kita bincangkan bersama dan membuat keputusan bersama," katanya.

-- BERNAMA

AU JH MAI